

## Kolej Inti anjur persidangan pendidikan

YAYASAN Amal Kolej Inti akan menganjurkan Persidangan Pendidikan Antarabangsa (ICEE 2001) mengenai E-Pendidikan sempena sambutan ulang tahun ke-15 yayasan itu di Mines Beach Resort, Kuala Lumpur, pada 29 dan 30 Oktober ini.

Antara objektif utama pengajuran persidangan dua hari itu ialah mengadakan forum awam dan ceramah mengenai pelbagai isu pokok pada alaf baru atau abad ke-21 ini; kata Eksekutif Perhubungan Awamnya, Mahanum Shariff.

Beliau berkata, antara fokus persidangan yang dijangka dirasmikan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie ialah mengenal pengurusan dan pelaksanaan program teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam sistem pendidikan.

"Penekanan utama ialah meningkatkan kualiti pendidikan dan keberkesanan dalam pembelajaran," katanya.

Ia juga bertujuan menyediakan landasan bagi mempereratkan hubungan dan berkongsi pe-

ngalaman di kalangan pakar ICT dari pelbagai negara, termasuk United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan di rantau Asia Tenggara.

"Lebih 200 peserta dijangka mengahdirinya, termasuk dari dalam dan luar negara khususnya pelajar pusat pengajian tinggi," katanya.

Beliau berkata, persidangan itu selaras dengan perkembangan pesat dunia ICT yang turut menyebabkan bidang pendidikan perlu menyesuaikan dan melengkapkan diri dengan

pelbagai ilmu dalam bidang itu. Penceramah terkemuka dalam bidang ICT akan memberikan ceramah pada persidangan itu, antaranya Prof Bouglas Osheroff yang memenangi Hadiah Nobel Fizik pada 1996, manakala Forum Teknologi Tinggi oleh John Naisbitt.

Antara penceramah tempatan ialah Tan Sri Dr Abdullah Sanusi Ahmad dari Universiti Terbuka Malaysia (Unitem) dan Prof Datuk Ibrahim Ahmad Bajunid (Universiti Tun Abdul Razak).